



BUKU PANDUAN

Pembangunan Bahan Digital
JPPKK

**Buku Panduan
Bahagian Instruksional dan
Pembelajaran Digital
(BIPD)**

- EDISI 2023 -

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD)
JPPKK

Dengan kerjasama dan direka di Malaysia oleh /
Cooperation and designed in Malaysia by
Creative Design Centre
Politeknik Ibrahim Sultan
KM 10, Jalan Kong-Kong
81750 Masai, Johor

HAK CIPTA TERPELIHARA JPPKK 2023
ISBN : **978-967-0099-06-4**

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem kekal atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara samaada secara elektronik, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Buku Garis Panduan
Bahan Pembelajaran Digital

2023

PENAUNG

Mohd Noor Bin Shahudin

Pengarah Kanan Akademik, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

PENASIHAT

YM Tengku Besaruddin Shah Bin Tengku Yaakob

Pengarah Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital

KETUA EDITOR

Dr. Mohd Najib Bin Hamdan

Timbalan Pengarah Unit Pembelajaran Digital

EDITOR

Nur Liyana Binti Khalid Khan

Akashah Bin Arshad

Nurulhuda Binti Yasin

Muhammad Syamil Bin Rozmi

Nur Zatil Iman Binti Abu Bakar

PENULIS

Siti Fariza Binti Mohamad Isa

Mohd Ghanim Bin Ghazali

PENYUNTING BAHASA

Ts. Dr. Nor Hidayu Binti Shahadan

Dr. Nurul Aisyah Binti Othman

KETUA PEREKA

Abdul Razak bin Salim

Pengurus CDeC, Politeknik Ibrahim Sultan

PEREKA

Sheril Syazwani Binti Salleh

Halijah Binti Abu Aris

Farhana Binti Safar

Musfirah Binti Jamaluddin



Selayang Pandang

Syukur ke hadrat Allah swt kerana dengan izinnya Buku Panduan Pembangunan Bahan Digital JPPKK ini telah berjaya disiapkan bagi rujukan pegawai e-Pembelajaran dan pegawai multimedia dan istruksional (MARO) di Politeknik dan Kolej Komuniti. Penghasilan buku garis panduan bahan digital berstruktur dan merangkumi kesemua jenis penghasilan bahan digital oleh Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD) ini adalah yang pertama kali diterbitkan. Antara kandungan buku ini adalah merangkumi penerbitan eBook, video pelaporan PoliTV, pengurusan laman sesawang YouTube ShouT!TVET, video pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta penghasilan video log (VLOG). Kesemua bahan digital ini juga adalah kategori yang dipertandingkan dalam pertandingan eDOLA yang dianjurkan pada setiap tahun oleh Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD).

Hasrat penerbitan buku garis panduan yang berstruktur ini, BIPD berharap agar ia dapat menjadi rujukan kepada pihak yang terlibat dalam menerbitkan bahan digital bagi kegunaan pelajar di politeknik dan kolej komuniti dan seterusnya menghasilkan harta intelek yang lebih berkualiti dan mempunyai aspek pengkomersilan untuk dibawa ke peringkat antarabangsa. Bertepatan dengan lonjakan ke sembilan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM (PT)) 2015-2025 iaitu pembelajaran dalam talian peringkat global, BIPD berhasrat untuk menambahbaik kualiti dan kuantiti penghasilan bahan digital untuk para pelajar seiring dengan peredaran zaman dan perkembangan teknologi.

Akhir kata, semoga kandungan daripada buku yang diterbitkan ini akan memberikan manfaat kepada warga politeknik dan kolej komuniti khususnya. Terima kasih diucapkan kepada rakan kolaborasi penerbitan buku iaitu Creative Design Centre (CDeC), Politeknik Ibrahim Sultan, serta semua pegawai ePembelajaran serta MARO yang telah bersama-sama menyumbang memberikan dapatan kepada penerbitan buku ini.

*YB
Tengku Besaruddin Shah bin Tengku Yaakob*

Pengarah

Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital
(BIPD)



Buku ini mengandungi EMPAT (4) garis panduan iaitu garis panduan pembangunan saluran YouTube, pembagunan garis panduan e-Book, pembangunan penerbitan video pengajaran dan pembelajaran , dan akhir sekali penerbitan video pelaporan bagi PoliTV.

Isi Kandungan

Kredit	i
Prakata	ii
Abstrak	iii
1.0 Garis Panduan Pembangunan Saluran YouTube	7
1.1 Pengenalan kepada YouTube	8
1.2 Informasi Pengurusan Saluran YouTube Institusi	9
1.3 Perincian Komponen Penting	9
2.0 Garis Panduan e-Book	17
2.1 Pengenalan e-Book	18
2.2 Cadangan Peratus Komponen eBook	18
2.3 Komponen dalam eBook	19
2.4 Format Kandungan Buku Mengikut Turutan	20
2.5 Penulisan Kreatif <i>Creative Writing</i>	20
2.6 Penulisan Akademik <i>Academic Writing</i>	20
2.7 Sampel	20
3.0 Garis Panduan Pembangunan Video Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	21
3.1 Pengenalan Video Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	22
3.2 Tatacara Muatnaik Bahan Video	22
3.3 Spesifikasi Pembangunan Bahan Video	23
3.4 Proses Kerja Pembangunan Bahan Video	24
3.5 Pelan Perancangan Pembangunan Bahan Video	25
3.6 Penulisan Papan Cerita	25
3.7 Peralatan Penggambaran	26
3.8 Perisian Suntingan	26
4.0 Garis Panduan Pembangunan Video Pelaporan bagi Televisyen Politeknik (PoliTIV)	29
4.1 Pengenalan Pembangunan Video Pelaporan	30
4.2 Kaedah Pelaporan PoliTIV	32
4.3 Proses Kerja Produksi Video Pelaporan PoliTIV	33
4.4 Kriteria Running Order / Susunan Kandungan Video Pelaporan	34
4.5 Contoh Skrip Wawancara, Stand-Upper & Voice Over	36
4.6 VLOG (Penghasilan Video Secara Bersiri)	43
4.7 Proses Kerja Produksi Vlog	45
4.8 Kriteria Running Order / Susunan Kandungan Vlog	46
4.9 Maklumat Umum Produksi Pelaporan & Vlog	48



01

Garis Panduan Pembangunan Saluran YouTube

Bagi Politeknik dan Kolej Komuniti





► 1.1 Pengenalan kepada YouTube

Apa itu YouTube? Menurut Michael Miller dalam buku tulisannya YouTube Online Video Marketing for any Businesses, YouTube adalah sebuah laman sesawang yang membolehkan pengguna untuk menonton apa jua jenis video yang dipaparkan. Sebahagian besar video yang dimuat naik adalah bersifat amatur dan diterbitkan oleh yang bukan penghasil video professional. Namun sejak kebelakangan ini, setelah pengguna dan badan korporat mula mengenali kepentingan menggunakan platform YouTube sebagai medium untuk sebar maklumat dan promosi, lebih banyak video yang lebih professional dan berkualiti komersil dihasilkan. Sejak dari tahun 2005 ia ditubuhkan sehingga kini tahun 2021, pelbagai penambahbaikan oleh pihak peneraju saluran ini telah untuk memudahkan para pengguna, seiring dengan perkembangan teknologi sedia ada.

Dalam peringkat Pendidikan pula, YouTube telah dilihat sebagai sebuah platform yang menarik dan mudah untuk penyebaran

maklumat. YouTube itu sendiri mempunyai ciri-ciri seperti sebuah platform media sosial yang membolehkan penonton/pengguna berinteraksi secara 2 hala dengan penghasil atau pemuat naik video itu. Video yang dimuatnaik di YouTube juga boleh disimpan dengan berstruktur dan pemilik video juga boleh memerhati jumlah tontonan daripada para penonton. Seperti kebanyakan media sosial yang lain, YouTube juga mempunyai tatacara “Subscribe” untuk membolehkan para pengikut mengikuti perkembangan terkini pemilik saluran tersebut.

Apa yang menarik tentang YouTube juga adalah, pengguna yang tidak berdaftar dan tidak mempunyai akaun YouTube masih boleh melayari video yang dimuatnaik, tetapi tidak boleh memuat sendiri video yang dihasilkan mereka. Saluran YouTube setakat hari ini adalah percuma, dan sesiapa sahaja yang ingin memuatnaik video mereka tidak perlu membayar apa-apa kecuali mereka mahu mempromosikan video terbitan mereka untuk mendapatkan tontonan yang lebih tinggi.

Pembangunan saluran YouTube ini adalah khas untuk kandungan PdP di institusi sahaja.

1.2 Informasi Pengurusan Saluran YouTube Institusi

Sesebuah saluran YouTube yang dikelolakan oleh institusi perlu mempunyai komponen seperti yang berikut:

- Nama saluran YouTube Shout!TVET (ie: POLIMAS Shout!TVET)
- YouTube *Banner*
- *Feature Video*
- Bilangan *playlist* untuk memuatkan video yang dihasilkan adalah berdasarkan bilangan program yang ditawarkan oleh institusi.
- Kandungan video dan audio yang dihasilkan hendaklah tidak melanggari sensitiviti seperti rasisme, politik dan seksual.
- *Thumbnail* (Gambar Kecil)
- *Title* (Tajuk Video)
- *Description* (Diskripsi)
- *Tags* (Pautan)
- *About* (Latar Belakang)
- Format Video Untuk Dimuatnaik
- *Privacy Settings* (Tetapan Privasi)
- *Performance Metrics* (Kaedah Pemantauan Rating Tontonan)

1.3 Perincian Komponen Penting Pembangunan Saluran YouTube

01 Nama saluran YouTube yang baharu iaitu **Shout!TVET**
(ie: POLIMAS Shout!TVET)

02 YouTube Banner

YouTube banner adalah grafik yang tertera di bahagian atas ruangan saluran YouTube. Fungsi banner di YouTube adalah untuk menjadi image dan identiti kepada pemilik akaun saluran itu. Rekabentuk banner YouTube juga boleh diubah mengikut keadaan semasa seperti sambutan Hari Raya, Tahun Baharu Cina, Deepavali, Hari Kemerdekaan dan lain-lain lagi.

Setelah memuatnaik video serta banner di saluran YouTube anda, pastikan semakan paparan banner pada saluran YouTube di semua peranti mudah alih seperti komputer, komputer riba, telefon pintar, tablet dan lain-lain untuk memastikan resolusi dan saiz yang dimuat naik adalah bersesuaian untuk semua peranti yang disenaraikan.

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN SALURAN YOUTUBE

Saiz untuk rekabentuk YouTube Banner : 2560 x 1440 px.



03 Feature Video

Feature video adalah video yang dihasilkan dan dipaparkan di bahagian utama saluran YouTube.

04 Penggunaan Playlist

Bilangan playlist untuk memuatkan video yang dihasilkan adalah berdasarkan bilangan program yang ditawarkan oleh institusi.

05 Kandungan video yang dihasilkan

Kandungan video dan audio yang dihasilkan hendaklah tidak melanggari sensitiviti seperti racism, politik dan unsur seksual.

06 Thumbnail (Gambar Kecil)

YouTube memaparkan thumbnail atau gambar kecil untuk setiap video yang dimuat naik di laman sesawang mereka.

Saiz untuk thumbnail YouTube adalah :

1280x720 / ratio 16:9 / width of 640 pixels

Kepentingan dan kriteria dalam memilih thumbnail yang sesuai untuk video yang dimuat naik adalah :



Menarik perhatian pengguna untuk menonton video anda.



Mengekalkan konsistensi terhadap imej dan identiti saluran YouTube pemilik




Pastikan terdapat font atau sedikit deskripsi diletakkan di dalam thumbnail.



Thumbnail yang direka haruslah berkaitan dengan kandungan video yang akan ditayangkan.

Setelah memuat naik video serta thumbnail di saluran YouTube anda, pastikan semakan paparan thumbnail pada video di semua peranti mudah alih seperti komputer, komputer riba, telefon pintar, tablet dan lain-lain untuk memastikan resolusi dan saiz yang dimuat naik adalah bersesuaian untuk semua peranti yang tersenarai.

Untuk memudahkan tugas pegawai yang menguruskan saluran YouTube institusi, thumbnail boleh direka dengan aplikasi telefon pintar seperti Canva, PicMonkey, Fotor, Fotojet, Backgrounder, iMovie, Pixlr, Photo Editor, Insta Collage, dan lain-lain lagi.



07 Title (Tajuk Video)

Tajuk video yang bersesuaian dengan kandungan video haruslah diletakkan. Walaubagaimanapun, tajuk yang ingin diletakkan di saluran YouTube ini adalah agak terhad. Untuk itu, masukkan tajuk seringkas yang mungkin. Untuk pemakluman atau diskripsi lebih lanjut berkenaan video tersebut, maklumat itu haruslah diletakkan di ruangan kotak diskripsi di bawah tajuk video itu.




08 Description (Diskripsi)

Kesinambungan daripada penulisan tajuk pada video di atas, maklumat selanjutnya berkenaan video seperti :

- Sinopsis / Maklumat ringkas
- Nama penyampai / responden di dalam video
- Talian untuk dihubungi
- Alamat e-mail
- Link ke laman media sosial rasmi institusi

Maklumat di atas haruslah diletakkan di ruangan diskripsi. Ruangan diskripsi ini adalah penting untuk penonton mengetahui lebih lanjut tentang video yang dipaparkan dan menggalakkan komunikasi dua hala berjalan.




09 Tags (Pautan)

Fungsi peranan ini adalah sebagai keyword untuk carian kepada kategori video yang dimuat naik di laman sesawang YouTube, seterusnya akan meningkatkan keterlihatan video ini di carian google. YouTube adalah laman sesawang kedua terbesar selepas Google Search Engine pada tahun 2020.

10 About (Latar Belakang)

Apa yang diletakkan di ruangan ini adalah setiap pemilik saluran laman sesawang YouTube WAJIB untuk menulis maklumat latar belakang berkenaan institusi masing-masing di ruangan ini. Antara maklumat yang perlu dimasukkan adalah seperti berikut :

- Sinopsis / Maklumat ringkas tujuan penubuhan laman sesawang ini
- Talian untuk dihubungi
- Link ke laman media sosial rasmi institusi



11 Format Video Untuk Dimuatnaik

Tajuk video yang bersesuaian dengan kandungan video haruslah diletakkan. Walaubagaimanapun, tajuk yang ingin diletakkan di saluran YouTube ini adalah agak terhad. Untuk itu, masukkan tajuk seringkas yang mungkin. Untuk pemakluman atau diskripsi lebih lanjut berkenaan video tersebut, maklumat itu haruslah diletakkan di ruangan kotak diskripsi di bawah tajuk video itu.

Table 7.2 Popular Video File Formats

File Format	Extension	Characteristics
3GP	.3gppp, .3gppp2	A multimedia container file format common in 3G mobile phones
Audio Video Interleave	.avi	Container format that can store data encoded in a variety of codecs
DivX	.divx	High quality codec with equally high compression, a subset of the MPEG-4 format that supports resolutions up to 1080p; popular for internet use
Digital Video (DV)	.dv	Lossy format used in many consumer video cameras; VD video is typically enclosed in some type of container file format, such as AVI or QuickTime
Flash Video	.flv	Adobe's popular multimedia file format; the format used by YouTube to serve videos on its site

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN SALURAN YOUTUBE

H.264	.mpg, .mp4	A type of encoding used in many MPEG-4, 3GP, and QuickTime files; more efficient than the normal MPEG-4 codec, records high quality video with relatively small file sizes; well suited for HD video
MPEG-1	.mpg, .mpeg	The original MPEG format, with low quality VHS-like video; not widely used today
MPEG-2	.mpg, .mpeg	Produces higher-quality audio/video than the MPEG-1 format; used in broadcast-quality television and some digital satellite services
MPEG-4	.mpg, .mp4	Most recent version of the MPEG format, optimized for both high definition and Internet video; used in most newer digital camcorders; the H.264 and Divx codecs build on and extend basic MPEG-4 compression
MPEG-PS	.mpg, .mpeg	PS stand for "program stream;" this is a streaming video format used with some MPEG-1 and MPEG-2 files
QuickTime	.mov, .qt	Apple's appropriate audio/video format; works with both Mac OS and windows
RealVideo	.rm, .rv	Media file format used by RealPlayer; the RealMedia format (RM) can contain either audio or video files; a heavily compressed format that results in lower-quality video than with other competing formats
WebM	.webm	One of the newest video file formats, designed for royalty-free open-source storage; designed for use with HTML5 video; supported by Google/YouTube, Mozilla, and Opera
Windows Media Video (WMV)	.wmv	Microsoft's proprietary digital video file format, playable with Windows Media Player; offers twice the bit rate of comparable MPEG-4 files
Xvid	.xvid	Another variation of the MPEG-4 format, similar to the competing DivX codec

(Sumber : Online Video Marketing for Any Businesses oleh penulis Michael Miller)

Walau bagaimanapun, setelah video dimuat naik ke YouTube oleh pemilik akaun, format video yang akan ditukar oleh YouTube adalah H.264.

12 Privacy Settings (Tetapan Privasi)

Apa yang menarik tentang YouTube adalah mempunyai beberapa tetapan privasi pada video yang dimuat naik itu. Tetapan ini adalah bertujuan untuk membantu pemilik video dan akaun saluran YouTube itu menyusun atau mengatur bila dan bolehkah penonton untuk menonton video tersebut tanpa mengalihkannya keluar dari saluran dan akan menyebabkan kehilangan jumlah tontonan sedia ada pada video. Sekiranya video tersebut tidak boleh ditonton sekarang, dan perlu ditonton kemudian tetapi kerana isu tertentu video yang dimuat naik itu perlu awal dari waktu sepatutnya, pemilik boleh membuat adjustment pada tetapan video itu seperti di bawah :

- **Public (Umum)**

Video yang dimuatnaik itu adalah dalam tetapan umum dan boleh ditonton dan dilihat di senarai channel & playlist dalam YouTube.

- **Unlisted (Tidak Disenaraikan)**

Video dimuatnaik hanya boleh ditonton oleh mereka yang mempunya link kepada video itu. Video yang dimuatnaik dalam tetapan unlisted tidak kelihatan di saluran YouTube pemilik.

- **Private (Peribadi)**

Video yang dimuatnaik dalam mod atau tetapan ini tidak boleh diakses oleh sesiapa kecuali pemilik saluran YouTube itu.

13 Performance Metrics (Kaedah Pemantauan Rating Tontonan)

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan untuk memantau rating dan tontonan di dalam saluran YouTube. Pemantauan tontonan video ini adalah sangat penting untuk meanmbah baik kualiti video yang diterbitkan dan mendapatkan maklumbalas daripada penonton.

- **Total Views (Jumlah Tontonan)**

Jumlah tontonan boleh dipantau secara manual pada setiap video yang dipaparkan. Terdapat juga graf dan rajah yang akan dipaparkan pada ruangan YouTube Studio di saluran pemilik akaun.

- **Ratings (Penilaian)**

Ratings atau penilaian diperolehi daripada butang Like atau Dislike yang dipaparkan di bawah ruangan video yang disiarkan.

- **Comments (Komen)**

Di ruangan komen ini tidak merekodkan jumlah komen negative atau positif. Tetapi hanya merekodkan jumlah komen secara keseluruhan yang diletakkan di ruangan itu. Jumlah komen yang diletakkan akan direkodkan secara graf untuk dipantau oleh pemilik akaun.

- **Favorites (Kegemaran)**

Jumlah kali video ini disimpan dalam ruangan favorites (kegemaran) di dalam akaun penonton pula akan direkod.



Garis Panduan eBook

02

Bagi Politeknik dan Kolej Komuniti





► 2.1 Pengenalan eBook



Apa itu eBook?

Sebuah buku rujukan yang berbentuk digital yang boleh digunakan untuk pelajar dan pensyarah.

► 2.2 Cadangan Peratus Komponen eBook

Teori (50%)	Tutorial (50%)
Berasaskan kandungan teori PDP	Mengandungi grafik / gambarajah sebagai bahan sokongan
5,000-10,000 patah ribu perkataan	Soalan latih tubi
Rujukan (Citation perlu ada - APA Style)	Penyelesaian tutorial

► 2.3 Komponen dalam eBook



Format

Format penghantaran adalah dalam bentuk PDF



Kategori

Kategori yang terlibat adalah eBook: CREATIVE WRITING/ ACADEMIC WRITING



Penulis

Maksima penulis untuk 1 buku adalah seramai 3 orang penulis



Editorial/Credit

Semakan untuk eBOOK ini akan dibuat oleh Editor (Ketua Program/Senior Lecturer) sebelum dihantar untuk pendaftaran ISBN di perpustakaan negara. Rubrik untuk semakan eBOOK akan disediakan oleh BIPD.



Medium perantara

Bahasa Melayu / Bahasa Inggeris



Rujukan

APA Style

Penulis buku harus mendaftar buku ini dengan e-ISBN dan dihantar ke BIPD dalam format PDF

**Calibri / Carvier Dreams / Geo Sans Light,
1.5 spacing, A4 saiz**

**Template ilustrasi kulit buku akan disediakan
oleh BIPD mengikut kluster**

► 2.4 Format Kandungan Buku Mengikut Turutan

1	Muka depan buku
2	Deklarasi hakcipta + Credit penulis, illustrasi & jurugambar
3	Penghargaan (Ucapan terima kasih)
4	Abstrak
5	Isi kandungan
6	Kandungan Buku
7	Rujukan


► 2.5 Penulisan Kreatif *Creative Writing*

Creative writing is any writing that goes outside the bounds of normal professional, journalistic, academic, or technical forms of literature, typically identified by an emphasis on narrative craft, character development, and the use of literary tropes or with various traditions of poetry and poetics.

► 2.6 Penulisan Akademik *Academic Writing*

Academic writing or scholarly writing is nonfiction produced as part of academic work, including reports on empirical fieldwork or research in facilities for the natural sciences or social sciences, monographs in which scholars analyze culture, propose new theories, or develop interpretations from archives, as well as undergraduate versions of all of these.

► 2.7 Sampel



Sampel deklarasi hakcipta + Credit penulis, illustrasi & jurugambar



03

Garis Panduan Pembangunan Video Pengajaran & Pembelajaran (PdP)

Bagi Politeknik Malaysia





3.1 Pengenalan Video Pengajaran & Pembelajaran (PdP)

Pembangunan bahan digital berbentuk video atau e-Content PdP merupakan agenda transformasi dalam pendidikan di alaf ke-21. Sumber informasi bukan sahaja terhad kepada buku mahupun media cetak semata-mata tapi ianya kini lebih meluas kepada bahan e-Content yang mudah diperolehi dari dunia internet.

e-Content yang dimaksudkan adalah Bahan

Video, MOOCs, Permainan Video Games, Apps dan sebagainya.

Bahan video yang dibangunkan perlulah memenuhi elemen-elemen seperti berikut:

- i. 'Opening Title'
 - ii. Kandungan Bahan Video
 - iii. Penutup

3.2 Tatacara Muatnaik Bahan Video

Walaubagaimanapun tatacara muatnaik Bahan Video yang telah dibangunkan adalah merujuk kepada carta alir dibawah;



1. Pembangunan Bahan Video PdP oleh MARO, PeL dan Pensyarah / pembekal yang dilantik.
2. Muatnaik Bahan Video PdP ke youtube channel politeknik masing-masing (Shout!TVET).
3. Jawatankuasa eLearning bertanggungjawab mengurus Channel Youtube Politeknik masing-masing.
4. Jawatankuasa eLearning bertanggungjawab mengisi maklumat dan pautan Bahan Video PdP di dalam Borang Penyerahan Bahan Digital.
5. Semakan dari BIPD dalam memperakurkan Bahan Video yang dimuatnaik memenuhi spesifikasi video yang digariskan.

3.3 Spesifikasi Pembangunan Video PdP

01 Opening Title (Intro)

Perkara-perkara yang perlu dimasukkan pada ruangan Opening Title:-

- i. 3 Logo (Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi, Kolej Komuniti)
- ii. Nama Tajuk Video / Sub Topik
- iii. Bidang
- iv. Objektif Pembelajaran
- v. Nama Politeknik

02 Kandungan Bahan Video PdP

- i. Bahan video PdP mestilah memenuhi satu subtopik dalam kurikulum yang sedang dilaksanakan.
- ii. Bahan video **PdP yang dibangunkan** hendaklah di dalam **Bahasa Inggeris** dan disertakan sarikata Bahasa Malaysia.
- iii. Bahan video PdP perlu disertakan sarikata Bahasa Inggeris bagi mana-mana kursus yang menggunakan kurikulum dalam Bahasa Malaysia.
- iv. Bahan video yang dihasilkan perlu memenuhi durasi di antara **2 (DUA) minit (MINIMUM)** sehingga **15 (LIMA BELAS) minit (MAKSIMUM)** termasuk intro dan outro.
- v. Jenis video PdP boleh dalam berbentuk demonstrasi, temuramah, tutorial, dokumentari dan lain-lain teknik penyampaian yang bersesuaian.
- vi. Video PdP yang dihasilkan mestilah mempunyai resolusi tinggi (**FULL HD MINIMUM** 1080p dan berformat ***.mp4**).
- vii. Audio yang digunakan mestilah jelas dan bersesuaian dengan video PdP.
- viii. Produksi digalakkan mempelbagaikan jenis-jenis ‘camera shot’ bahan video sebagai elemen daya tarikan.
- ix. Penggunaan sebarang video dan audio mestilah *non copyright*.
- x. Motion Graphic dan animasi dibenarkan mengikut kesesuaian alih seperti komputer, komputer riba, telefon pintar, tablet dan lain-lain untuk memastikan resolusi dan saiz yang dimuat naik adalah bersesuaian untuk semua peranti yang disenaraikan.

Penutup (Outro)

03

Ruangan ini perlu dilengkapi dengan ‘ending credit’ seperti ketetapan berikut:-

- i. Nama ‘Subject Matter Expert’.
- ii. Senarai nama ahli produksi video.
- iii. Logo Politeknik

► 3.4 Proses Kerja Pembangunan Video PdP

Berikut merupakan proses kerja yang dicadangkan untuk memulakan proses kerja penghasilan video PdP:



► 3.5 Pelan Perancangan Pembangunan Video PdP


Berikut merupakan contoh perbatuan perancangan satu produksi video yang ringkas.

Bil	Perkara	MI	M2	M3	M4	M5	M6	M7	M8
	Pra- Produksi								
1	Tulis Skrip dan Papan cerita								
2	Dapatkan <i>talent</i> dan lokasi								
3	Sediakan Peralatan								
	Produksi								
4	Lakukan penggambaran								
	Pasca Produksi								
5	Rakam suara latar								
6	Buat <i>Opening title</i> dan <i>Ending Credit</i>								
7	Sunting audio dan video								
8	Tambah kesan visual, bunyi dan muzik latar								
9	Suntingan akhir dan <i>render</i>								

► 3.6 Penulisan Papan Cerita

Papan Cerita membawa maksud satu siri visual lakaran yang menggambarkan babak dan aksi yang terdapat dalam sebuah scene atau cerita. Ia mengandungi maklumat berkenaan aksi, dialog, sudut kamera, dan suasana persekitaran cerita tersebut.

Berikut adalah contoh-contoh papan cerita.



GARIS PANDUAN VIDEO PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

Skrip merujuk kepada satu dokumen yang memberi idea kepada keseluruhan rakaman video yang akan dijalankan. Antara lain ia mengandungi maklumat berkaitan dengan:-

- Babak atau subjek yang akan dirakamkan
- Teknik rakaman yang akan digunakan
- Dialog atau suara latar yang akan digunakan
- Tempoh masa atau durasi rakaman bagi setiap babak

Contoh-contoh skrip video PdP yang boleh digunakan seperti berikut:-

Bidang Pengajaran : Rekabetuk seramik Industri
 Tajuk : Pembuatan model seramik industri
 Durasi : 10 minit
 SME/NAMA : ROKHAIRUDDIN BIN JAMAL
 POLITEKNIK/KOLEJ KOMUNITI : KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH

No.	Segmen	Voice Over (VO)	Texts (Floating Texts)	Visual (Video, Animation, Still, Grafik)	Duration (seconds)
1.	Montaj	standard			10
2.	Pengenalan	Video ini memperkenalkan teknik penghasilan produk seramik industri. Pelajar juga dapat mengaplikasikan teknik dan proses didalam menghasilkan produk. Pelajar juga akan mempelajari ragam hias yang digunakan dalam penghasilan produk seramik industri. Penekanan diberikan kepada perkembangan idea untuk menghasilkan produk.	Teknik penghasilan produk seramik industri. Menggunakan bahan dan peralatan sesuai dan proses penghasilan secara besar-besaran (mass production).	Stock Footage persekitaran dan department modelling, slip casting dan pembakaran tanur Industri. - Gambar / footage produk seramik industri yang telah siap (showroom).	30
3.	Segmen 1	Penerangan tentang bahan Plaster of Paris sebagai bahan utama penghasilan model. Plaster of Paris juga dikenali sebagai gypsum adalah merupakan sebatian serbuk putih yang mana bila bahan ini dicampurkan dengan air, ia akan	Super Text: Kepentingan bahan Plaster of Paris atau gypsum.	Shoot Video / footage bahan plaster of paris dalam karung guni dan dalam bekas. - Baldi berisi air dan penapis	60

SKRIP VIDEO / PAPAN CERITA

“KITAR SEMULA KAN BAGUS”


PENYAMPAI	VISUAL	NARRATOR/AUDIO	MUZIK/BUNYI
	Tajuk Video	Narrator : “Kitar Semula Kan Bagus”	
	Penyataan Situasi 1	Narrator : Tiga orang pelajar sedang berbual sambil menikmati masa rehat sebelum masuk ke kelas semula	Closing Theme Song “Spongebob”
	Video : Perbualan antara 3orang pelajar		
	Penyataan Situasi 2	Narrator : Setelah beberapa minit berbual	

► 3.7 Peralatan Penggambaran

Peralatan untuk menjalankan penggambaran di Institusi masing-masing adalah tertakluk kepada keberadaan aset masing-masing. Berikut adalah contoh senarai peralatan yang sesuai untuk penggambaran. Namun begitu, anda boleh menukar ke peralatan yang lebih mudah didapati dan murah.



Kamera DSLR



Tripod




Smartphone and tripod



Smartphone and stabilizer



Studio/professional lighting



Selfie lighting



Boom mic



Mic Boom Pole



Wireless mic

► 3.8 Perisian Suntingan


Perisian suntingan video adalah perisian yang penting semasa fasa pasca produksi. Melalui perisian ini proses penyuntingan seperti susun, potong, gabung, ubah warna video, tambah audio, musik latar, teks dan sebagainya boleh dilakukan. Berikut adalah contoh-contoh perisian penyuntingan video yang biasa digunakan di komputer:



Adobe Premiere Pro




Final Cut Pro



Sony Vegas

Berikut adalah contoh-contoh aplikasi penyuntingan video yang biasa digunakan di telefon pintar:



Cap Cut



Filmora Go



Adobe Premier



Rush



Viva Video



04

Garis Panduan Pembangunan Video Pelaporan

Bagi Televisyen Politeknik (PoliTV)





► 4.1 Pengenalan Pembangunan Video Pelaporan

PoliTV atau nama penuhnya Televisyen Politeknik merupakan salah satu saluran utama bagi Politeknik Malaysia dalam menyebar luas informasi mengenai aktiviti pelajar terkini kepada warganya dalam bentuk video pelaporan. Melalui kaedah ini, seiring dengan slogan POLITV : LIVE, LEARN & INNOVATE menjadi inspirasi utama dalam mengumpul bahan berita. Pada kali ini bagi memastikan POLITV tetap relevan sebagai sumber informasi mengikut ‘trending’ berikutan dengan pandemic COVID-19 yang melanda dunia, BIPD menetapkan bahawa bentuk pelaporan yang terkini adalah mengikut ketetapan berikut:

Video Pelaporan
(Wawancara ringkas, Stand-Upper & Voice over / Mix)

VLOG
(Penghasilan video secara bersiri)

Secara umum, warga MARO sudah terbiasa dengan format video pelaporan yang diwujudkan oleh BIPD sejak 2016. Namun begitu, format pelaporan telah dimurnikan lagi mengikut keadaan semasa pada tahun 2018. Pada tahun 2021 ini, format pelaporan POLITV akan diubah mengikut kesesuaian semasa di mana pegawai MARO serta pelajar yang terlibat tidak dapat meraih berita terkini berkenaan institusi masing-masing kerana pandemic COVID-19. Untuk itu, terdapat beberapa perubahan dan penyesuaian dilakukan pada format video pelaporan dan VLOG mengikut keadaan semasa.

Video Pelaporan (Wawancara ringkas, Stand-Upper & Voice over / Mix)

Kaedah 1:

Wawancara adalah merupakan satu kaedah temubual yang diamalkan dalam bidang kewartawanian bagi mempengaruhi pandangan masyarakat. Fungsi utamanya adalah untuk menyediakan akses informasi dan berita untuk melahirkan sebuah masyarakat yang memiliki pemikiran positif dan berpengetahuan dalam sebuah negara yang sedang membangun. Menerusi kaedah bersemuka ini, pengguna atau pegawai MARO boleh mengendalikan wawancara dan temubual bagi melaporkan berita semasa di kampus masing-masing. Antara penglibatan paling minima dalam proses wawancara adalah melalui kehadiran stand upper/wartawan, juruvideo dan tetamu bagi temubual. Proses temubual boleh dijalankan mengikut kreativiti masing-masing seperti MIC Flag bersama Logo PoliTV. Untuk itu, diharapkan kepada warga MARO boleh mengadaptasi kaedah ini dalam melaksanakan tugas masing-masing dalam memberikan laporan terbaik dan berkualiti berkenaan kampus institusi masing seiring dengan slogan **POLITV : LIVE, LEARN & INNOVATE**.


Kaedah 2:

Terdapat pelbagai aplikasi perhubungan jarak jauh di atas talian seperti ZOOM meeting, Google Meet, Skype, WEBEX, dan lain-lain lagi untuk kegunaan komunikasi di antara pengguna. Aplikasi seperti ini telah lama dipraktikkan di negara maju yang lain untuk urusan rasmi dan santai, tetapi menjadi lebih popular di kalangan negara-negara yang lain setelah pandemic COVID-19 berlaku. Melalui aplikasi seperti ini, pengguna atau pegawai MARO boleh menggunakan kemudahan aplikasi yang ada untuk mengendalikan wawancara dan stand-upper bagi melaporkan berita semasa di kampus masing-masing tanpa memerlukan kehadiran fizikal dan merisikkan kesihatan diri. Kaedah wawancara secara atas talian ini telah dipraktikkan oleh saluran media arus perdana seperti Astro Awani, Media Prima BHD, BBC, Bloomberg, Al-Jazeera, South China Morning Post dan lain-lain lagi.



Antara kaedah terkini media antarabangsa menjalankan aktiviti pelaporan iaitu melalui

wawancara secara dalam talian, dan merekodkan skrin di laptop atau komputer. Wartawan juga merekodkan dirinya dengan medium shot yang sedang bertanya soalan menggunakan kamera pendua.



► 4.2 Kaedah Pelaporan PoliTv

01 Bahan pelaporan boleh terdiri seperti perkara berikut:

- Pelaporan bagi aktiviti Politeknik termasuklah **aktiviti akademik** di dalam kelas mahupun aktiviti kokurikulum di luar kelas.
- Pelaporan bahan akademik sebagai **platform perkongsian idea dan pengalaman**. Ianya terbuka kepada semua warga Politeknik.
- Pelaporan dalam bentuk program **Bual Bicara** yang menitikberatkan bahan ilmiah sebagai bahan kandungan berita.
- Pelaporan aktiviti dan program rasmi Politeknik Malaysia.

02 Durasi yang ditetapkan adalah selama **2 sehingga 4 minit** (termasuk intro dan outro).

03 Pelaporan boleh dilaksanakan secara **dwibahasa** iaitu di dalam Bahasa Inggeris dengan sarikata Bahasa Malaysia atau mempunyai sarikata Bahasa Inggeris bagi mana-mana produksi yang dibangunkan dalam Bahasa Malaysia.

04 Bentuk pelaporan perlulah mengikut standard penerbitan semasa dan bersesuaian untuk tontonan umum.

05 Peranan Stand Upper/Host Program

- Stand Upper/Host Program diwajibkan dari kalangan pelajar semasa Politeknik Malaysia. Stand Upper/Host Program perlulah membawa imej atau jenama PoliTv bersama-sama semasa mengendalikan pelaporan video. Ianya mengikut kreativiti masing-masing seperti MIC Flag bersama Logo PoliTv.

Bagi Program Bual Bicara, bahasa pengantar adalah terbuka kepada produksi video. Tiada

- halangan dari segi keterbatasan bahasa yang digunakan selagi mana ianya masih menjaga tatasusila warga IPT.
 - Stand Upper/Host Program perlulah memperkenalkan mengikut kreativiti masing-masing bagi perkara-perkara seperti berikut;
- i. Nama Politeknik
 - ii. Lokasi Zon masing-masing
 - iii. Topik Pelaporan
 - iv. Tag Line “Live, Learn, Innovate”

Di dalam garis panduan ini juga menyediakan kaedah perlaksanaan dan penghasilan produksi video pelaporan.

